

INTERNATIONAL JOURNAL OF
INNOVATION AND
INDUSTRIAL REVOLUTION
(IJIREV)www.ijirev.com**KAJIAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN KURSUS
WORK BASED LEARNING DI KELAS YANG BESAR DI
POLITEKNIK METRO JOHOR BAHRU***STUDY OF TEACHING AND LEARNING OF WORK BASED LEARNING
COURSE IN LARGE CLASSES AT JOHOR BAHRU METRO POLITEKNIK*Hazlin Jamari¹¹ Jabatan Akademik, Politeknik METrO Johor Bahru (PMJB), Malaysia
Email: hazlin.jamari@pmjb.edu.my**Article Info:****Article history:**

Received date: 13.01.2025

Revised date: 22.01.2025

Accepted date: 25.02.2025

Published date: 17.03.2025

To cite this document:

Jamari, H. (2025). Kajian Pengajaran Dan Pembelajaran Kursus Work Based Learning Di Kelas Yang Besar Di Politeknik Metro Johor Bahru. *International Journal of Innovation and Industrial Revolution*, 7 (20), 224-229.

DOI: 10.35631/IJIREV.720013**This work is licensed under** [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)**Abstract:**

Kursus Work Based Learning (WBL) di Kelas Yang Besar bermaksud kelas yang mempunyai bilangan pelajar yang ramai iaitu melebihi 30 orang. Ianya mungkin kos efektif untuk sesebuah institusi pendidikan, tetapi sebenarnya, memberikan banyak kelemahan, termasuk kadar ketidakhadiran pelajar dan kegagalan hantar tugas dan akhirnya kurang minat untuk belajar. Kajian ini dijalankan untuk mereka bentuk semula kursus WBL Procurement in Logistics untuk meningkatkan hasil pembelajaran pelajar menerusi kaedah kolaboratif, bergantung dan berdikari (dependent, and independent learning), dengan memperkenalkan tiga perubahan: tutorial wajib dengan aktiviti pembelajaran aktif; konsistensi dalam pengajar kursus; dan kuiz dalam talian. Cadangan reka bentuk ini telah diuji oleh sekumpulan 50 orang pelajar Diploma Pengurusan Logistik dan Rantaian Bekalan di Politeknik METrO Johor Bahru yang mengikuti kursus WBL Procurement in Logistics. Kajian ini dilaksanakan dengan menilai kesan perubahan ini ke atas tiga hasil pembelajaran: pertama; pencapaian purata markah akhir dalam menjelaskan proses perolehan logistik dan prosedur yang dilaksanakan oleh organisasi, kedua; mengetahui penentuan harga dan mengurus kualiti perolehan dalam logistik; ketiga; tindak balas mengenai etika dan tanggungjawab sosial terhadap isu perolehan. Data kajian dianalisis melalui laporan hasil pembelajaran kursus menggunakan sistem i exam spmp. Hasil penemuan kajian, menunjukkan ianya memberi kesan positif kepada semua hasil pembelajaran, terutamanya disebabkan peningkatan kehadiran semasa

tutorial. Peningkatan yang paling ketara berlaku untuk pembelajaran pelajar iaitu mencatat pencapaian melebihi 70% berbanding sasaran Jabatan Akademik, PMJB iaitu 50%.

Kata Kunci:

WBL, Kelas Besar, Procurement, Hasil Pembelajaran

Abstract:

The Work Based Learning (WBL) course in the Large Class means a class with a large number of students, more than 30 people. It may be cost-effective for an educational institution, but in fact, many disadvantages, including student absenteeism and failure to submit assignments and ultimately lack of interest in learning. This study was conducted to redesign the WBL Procurement in Logistics course to improve student learning outcomes through collaborative, dependent, and independent learning methods, by introducing three changes: mandatory tutorials with active learning activities; consistency in course instructors; and online quizzes. This design proposal was tested by a group of 50 Diploma in Logistics and Supply Chain Management students at METrO Johor Bahru Polytechnic who enrolled the WBL Procurement in Logistics course. This study was carried out by evaluating the impact of these changes on three learning outcomes: first; the achievement of the average final score in explaining the logistics procurement process and procedures implemented by the organization, second; knowing pricing and managing procurement quality in logistics; third; responses on ethics and social responsibility to procurement issues. Research data is analyzed through course learning results reports using the i exam spmp system. The findings of the study show that it has a positive effect on all learning outcomes, especially due to increased attendance during tutorials. The most significant increase occurred in student learning which recorded an achievement of more than 70% compared to the target of the Academic Department, PMJB which is 50%.

Keywords:

WBL, Large Class, Procurement, Learning Outcome

Pengenalan

Pendidikan di peringkat pengajian tinggi telah mengalami beberapa cabaran sejak kebelakangan ini. Untuk menampung semakin ramai pelajar dari pelbagai latarbelakang untuk mengikuti pengajian, dan pada masa yang sama institusi pengajian menerima kurang dana untuk mengajar pelajar ini, akhirnya, institusi semakin bergantung pada kelas yang sangat besar iaitu terdiri pelajar yang ramai, melebihi 30 orang (Goffe dan Kauper, 2014; Watts dan Schaur, 2011; Watts dan Becker, 2008), walaupun diujahkkan bahawa mod pengajaran ini hanya menguntungkan sekumpulan kecil pelajar dengan gaya pembelajaran tertentu (Geerling, 2013, Lage et al., 2000, Moryl, 2013). Ramai yang berpendapat bahawa reka bentuk kelas ini membawa kepada peratus ketidakhadiran pelajar yang tinggi, kurangnya penglibatan, kurang motivasi dan isu kesihatan mental (seperti kebimbangan), dan akhirnya mengakibatkan pembelajaran terganggu (Hornsby, 2013). Osman, 2013, berpendapat, ramai pelajar akhirnya tidak menamatkan pengajian, atau mereka mengambil masa yang lebih lama untuk menamatkan pengajian daripada yang dijangkakan (Garcia-Ros et al., 2018). Menukar mod penyampaian adalah satu langkah penambahbaikan proses

pengajaran dan pembelajaran (Leger et al., 2013), dan berkemungkinan melibatkan kekangan belanjawan (Goffe dan Kauper, 2014, Westervelt, 2016). Isu ini telah mendorong pengkaji untuk memikirkan perubahan yang akan meningkatkan hasil pelajar dalam kursus WBL pada kelas yang besar, termasuk usaha untuk memperkenalkan kaedah baru penyampaian dengan menggalakkan pembelajaran secara kolaboratif dan aktif. Bermula pada tahun 2024, pengkaji mereka bentuk semula kaedah penyampaian WBL kursus “procurement in logistics” di PMJB, dengan memperkenalkan tutorial kumpulan kecil mandatori dan kuiz dalam talian, serta mengekalkan pengajar kursus procurement WBL. Matlamat perubahan ini adalah untuk memastikan semua pelajar dari latarbelakang kemahiran yang berbeza dapat mencapai hasil pembelajaran. Latarbelakang kemahiran yang berbeza bermaksud pelajar kolaboratif (mahir dalam kerja berkumpulan dan menjadi sebahagian daripada pasukan), pelajar yang terlalu bergantung (yang "memerlukan sejumlah besar arahan daripada pensyarah"), dan pelajar bebas (boleh bekerja tanpa bimbingan sepenuhnya dan mahir dengan perantarnya") (Lage et al., 2000). Kajian mendapati bahawa pelajar kolaboratif akan mendapat manfaat daripada aktiviti berkumpulan dengan pelajar lain dalam tutorial; pelajar yang terlalu bergantung kepada pengajar akan mendapat manfaat daripada konsistensi pengajar kursus dengan amalan set kuliah yang teratur; dan pelajar bebas akan mendapat manfaat daripada belajar sendiri dengan kuiz dalam talian yang diwajibkan. Tujuan kajian ini adalah untuk menentukan sama ada perubahan reka bentuk ini akan meningkatkan hasil pembelajaran kursus WBL di dalam kelas yang besar.

Kajian Literatur

Banyak pandangan menyatakan bilangan pelajar akan memberi kesan kepada kualiti persekitaran pembelajaran. (Ehrenberg et al. 2001; Cuseo 2007). Di institusi pendidikan, banyak galakan diberi kepada pelajar untuk melibatkan diri secara kolaboratif dan aktif dalam tugas melibatkan penyelesaian masalah dan pemikiran kritikal. Oleh itu, saiz kelas memberi kesan kepada kualiti pembelajaran pelajar. (McKeachie 1980; Cooper and Robinson 2000; Mulryan-Kyne 2010). Aspek pertama kajian ini ialah pengenalan tutorial mandatori, yang diketuai oleh pelajar yang berpengalaman dalam dunia pekerjaan bidang procurement in logistics, dengan aktiviti pembelajaran aktif seperti permainan, eksperimen atau masalah latihan. Kehadiran didapati meningkat. Kesan kehadiran kelas terhadap prestasi pelajar telah lama dikaji dan kebanyakan penyelidik mendapati kehadiran meningkatkan prestasi akademik; contohnya termasuk kajian oleh Romer (1993), Durden dan Ellis (1995), Marburger (2006), dan Cohn dan Johnson (2006). Boulatoff dan Cyrus (November, 2022, membuktikan tiga rekabentuk yang diperkenalkan akan menambahbaik hasil pembelajaran pelajar pada kelas yang besar.

Gambaran Keseluruhan Reka Bentuk Kajian

Kajian ini melibatkan dua sesi pengajian berturut-turut bagi kursus yang sama (Procurement in Logistics) dari sesi 1 2023/2024 da sesi 11 2023/2024 . Kursus ini adalah teras kursus untuk pelajar DLS 5 Diploma WBL Pengurusan Logistik dan Rantaian Bekalan. Ia adalah kursus wajib untuk pelajar ini.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk melihat apakah pencapaian ;

1. Hasil Pembelajaran 1 iaitu pencapaian purata akhir pelajar untuk menjelaskan proses perolehan logistik dan prosedur yang dilaksanakan oleh organisasi;
2. Hasil Pembelajaran 2 iaitu pencapaian purata akhir pelajar untuk mengetahui

- penentuan harga dan mengurus kualiti perolehan dalam logistik
3. Hasil Pembelajaran 3 iaitu pencapaian purata akhir pelajar bertindak balas tentang etika dan tanggungjawab sosial terhadap isu perolehan.

setelah menggunakan reka bentuk semula kursus WBL Procurement in Logistics.

Metodologi Kajian


Kajian ini menggunakan sistem spmp peperiksaan PMJB i exam spmp. Data penilaian merangkumi semua keperluan penilaian yang termaktub dalam sukatan kursus WBL Procurement in Logitics. Data telah dianalisis menggunakan sistem peperiksaan PMJB i exam spmp. Jumlah responden adalah kelas bagi sesi pengajian 11 2023/2024 iaitu DLS Semester 5 program Diploma Pengurusan Logistik Dan Rantaian Bekalan PMJB berjumlah 50 orang.

Data Kajian

Hasil kajian mendapati purata pencapaian hasil pembelajaran 1, 2, dan 3 kursus adalah melebihi 70%. Pencapaian hasil pembelajaran 1 adalah 77%, hasil pembelajaran 2 ialah 85% dan hasil pembelajaran 3 ialah 72%. Pencapaian tertinggi adalah hasil pembelajaran 2 iaitu 85%. Hasil pembelajaran 2 kemahiran pelajar untuk mengetahui penentuan harga dan mengurus kualiti perolehan dalam logistik.

Hasil Pembelajaran	Pernyataan Hasil Pembelajaran Kursus	Pencapaian
1	Menjelaskan proses perolehan logistik dan prosedur yang dilaksanakan oleh organisasi	77%
2	Mengetahui penentuan harga dan mengurus kualiti perolehan dalam logistik	85%
3	Tindak balas tentang etika dan tanggungjawab sosial terhadap isu perolehan	72%

Sumber: Laporan Penambahbaikan Kursus WBL Procurement in Logistics, DLS, 2024



Rajah 1: Pencapaian Hasil Pembelajaran Kursus WBL Procurement in Logistics

Sumber: Laporan Penambahbaikan Kursus WBL Procurement in Logistics, DLS, 2024

Penemuan Kajian

Berdasarkan penemuan kajian, pengkaji mendapati kaedah pengajaran dan pembelajaran mempunyai kesan positif terhadap gred akhir, markah penilaian berterusan, dan pembelajaran pelajar bagi kelas WBL yang besar. Kehadiran semasa tutorial, khususnya untuk meningkatkan prestasi pelajar dalam akademik menerima maklumbalas yang positif di kalangan pelajar.

Keputusan Dan Perbincangan

Hasil pembelajaran dan gred median yang diperoleh oleh pelajar ditunjukkan dalam Jadual 1. Seperti yang ditunjukkan dalam jadual, kadar pencapaian hasil pembelajaran kursus adalah baik, dengan lebih 70% pencapaian purata markah pelajar melebihi sasaran 50% Jabatan Akademik PMJB.

Kesimpulan

Pengajaran dan pembelajaran berdasarkan kaedah dan teknik mengajar yang kreatif dan berkesan melalui penggunaan bahan bantu belajar, inovatif mampu merangsang pelajar untuk belajar dalam kelas WBL yang besar. Pensyarah yang bersifat positif akan menerima perubahan sebagai satu cabaran dalam profesion mereka. Pensyarah yang dinamik, cekap dan sentiasa berusaha untuk memajukan pengajaran dan pembelajaran dalam kelas dengan merancang teknik mengajar dan menghasilkan bahan bantu mengajar yang menarik, akhirnya, memberi impak yang tinggi kepada hasil pembelajaran pelajar. Kaedah pengajaran perlu dipelbagaikan mengikut keperluan pelajar yang mempunyai tahap pengetahuan dan kemahiran yang berbeza untuk memudahkan pelajar memahami pengajaran. Selepas tinjauan dijalankan, produk atau pengajaran dan pembelajaran inovatif ini bukan saja dapat membantu pelajar yang mempunyai masalah dalam pembelajaran, ia juga boleh dijadikan aktiviti pengukuhan dan pengayaan bagi pelajar yang telah menguasai sesuatu pengetahuan. Ia turut membantu kemahiran pelajar dalam aktiviti berkumpulan, menyuntik motivasi pelajar dan interaksi pensyarah dan pelajar.

Penghargaan

Setinggi penghargaan kepada Jabatan Akademik, PMJB dan Global Academic Excellence (M) Sdn Bhd di atas sokongan padu yang diberikan untuk memberikan Skim Geran Penerbitan untuk projek ini.

Rujukan

- Benjamin, D., Cohen, A.J., and Hamilton, G., 2020, A Pareto-improving way to teach principles of economics: Evidence
- Blatchford, P., Russell, A., & Brown, P. (2009). Teaching in large and small classes. in L. J. Saha & A. G. Dworkin, (Eds.), International handbook of research on teachers and teaching, pp. 779–790. New York, NY: Routledge.
- Catherine Boulatoff a,Teresa L. Cyrus, 2022. Improving student outcomes in large introductory courses. International Review of Economics and Education. Elsevier.
- Demaris, M. C. & Kritsonis, W. A. (2008). The classroom: Exploring Its effects on student persistence and satisfaction. Online Submission, 2(1), 1–9.
- E. Cohn et al., 2006. Class attendance and performance in principles of economics. Educ. Econ.
- Ehrenberg, R. G., Brewer, D. J., Gamoran, A., & Willms, J. D. (2001). Class size and student achievement. Psychological Science in the Public Interest, 2(1), 1–30
- G.C. Durden et al., 1995. The effects of attendance on student learning in principles of economics Am. Econ. Rev.
- Glass, G. V. & Smith, M. L. (1978). Meta-Analysis of Research on the Relationship of Class Size and Achievement, San Francisco: Far West Laboratory for Educational Research and Development.

- Guseman, D. (1985). Class size impact upon student learning and attitudes in the introductory marketing class. *Journal of Marketing Education*, 7(1), 2–7. doi: 10.1177/027347538500700102.
- Hornsby, D. J., Osman, R., & De Matos Ala, J. (2013). Teaching large classes: Interdisciplinary per-spectives for quality tertiary education. Stellenbosch: SUN Media.
- McKeachie, W. J. (1980). Class size, large classes and multiple sections. *Academe*, 66(1), 24–27
- M.K. Salemi, 2005. Teaching economic literacy: Why, what, and how. *Int. Rev. Econ. Educ.*
- R. Moryl, 2013. T-shirts, moonshine, and autopsies: Using podcasts to engage undergraduate microeconomics students. *Int. Rev. Econ. Educ.*
- R. Garcia-Ros et al., 2018. Social interaction learning strategies, motivation, first-year students' experiences and permanence in university studies. *Educ. Psychol.*
- T. Emerson et al . 2011. Classroom experiments. *International Handbook on Teaching and Learning Economics*
- T. Emerson et al. 2011. Homework: To require or not? Online graded homework and student achievement. *Perspect. Econ. Educ. Res.*
- T. Emerson et al., 2016. Classroom experiments: Is more more?. *Am. Econ. Rev.*
- W. Geerling, 2013. An exploration of Robert Frank's 'The Economic Naturalist' in the classroom *Int. Rev. Econ. Educ.*